

**PERKEMBANGAN POLISI STALINISME DI  
SOVIET UNION PADA TAHUN 1927  
SEHINGGA 1940**



**CLARE AMANDA ONTOK**

**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PERKEMBANGAN POLISI STALINISME DI  
SOVIET UNION PADA TAHUN 1927  
SEHINGGA 1940**

**CLARE AMANDA ONTOK**



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PERKEMBANGAN POLISI STALINISME DI SOVIET UNION  
PADA TAHUN 1927 SEHINGGA 1940**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA**  
BIDANG : **SAINS SOSIAL (SEJARAH)**

Saya **CLARE AMANDA ONTOK** sesi **2019-2022** mengaku membenarkan tesis Sarjana Muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**CLARE AMANDA ONTOK**  
**BA19110429**

TARIKH : 12 OGOS 2022

Disahkan Oleh,  
ANITA BINTI ARSAD  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(Tandatangan Pustakawan)




**DR. MOSLI BIN TARSAT**  
(Penyelia Utama)

## PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



---

CLARE AMANDA ONTOK

BA19110429



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

**NAMA : CLARE AMANDA ONTOK**  
**NO. MATRIK : BA19110429**  
**TAJUK : PERKEMBANGAN POLISI STALINISME DI SOVIET  
UNION PADA TAHUN 1927 SEHINGGA 1940**  
**IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (SEJARAH)**



**DISAHKAN OLEH;**

**UMS**  
**TANDATANGAN**  
  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



## **PENGHARGAAN**

Puji dan syukur ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tugas latihan ilmiah ini dengan tenang.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia latihan ilmiah, Dr. Mosli bin Tarsat yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan berkongsi banyak ilmu pengetahuan di sepanjang proses menyiapkan tugas latihan ilmiah ini. Berkat bimbingan dan tunjuk ajar beliau, proses menyiapkan tugas latihan ilmiah ini tidak akan berjalan dengan lancar. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ingin saya sampaikan kepada semua tenaga pengajar, khasnya kepada para pensyarah program Sejarah (HA24) yang telah bertungkus-lumus mengajar dan memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan HA24 yang banyak berkongsi idea-idea yang bermanfaat. Tidak juga lupa kepada rakan-rakan *Catholic Student Group (CSG-UMS)* yang memberi bimbingan rohani sepanjang tempoh pengajian. Segala perkongsian idea dan sokongan moral yang telah anda berikan sangat menyumbang kepada kelancaran proses menyiapkan tugas latihan ilmiah ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terkira juga saya ucapkan kepada ibu bapa saya, En. Prain Andrew Ontok dan Pn. Jessica Naim Gunting kerana sentiasa memberi kerjasama dan sokongan moral yang sangat menggalakkan. Terima kasih juga kepada adik-adik saya, Angel, Chrisyelle, Cayla dan Cedric yang sentiasa memahami. Saya juga ingin berterima kasih kepada mendiang En. Ontok Pagar, mendiang Pn. Kondout Solimbot, En. Gunting Lambagan, Pn. Catherine Labuan, Kennetwolfsteen Jerson dan semua pihak yang telah banyak membantu sepanjang tempoh pengajian saya di universiti. Sesungguhnya segala kerjasama, semangat dan galakan yang diberikan telah memudahkan lagi proses penghasilan latihan ilmiah ini.

**CLARE AMANDA ONTOK**

**12 OGOS 2022**

## ABSTRAK

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian mengenai perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940. Sepanjang tempoh kajian ini dilakukan, penulis telah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan. Kaedah ini dilakukan menerusi penelitian bahan-bahan seperti buku, artikel dan laman web yang diiktiraf. Melalui kajian ini, terdapat tiga objektif kajian yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Pertama, kajian ini akan menjelaskan latar belakang polisi Stalinisme di Soviet Union. Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940. Bagi objektif kajian yang ketiga, pengkaji akan menghuraikan kesan pelaksanaan polisi Stalinisme pada tahun 1927 sehingga 1940. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendedahkan latar belakang Joseph Stalin sebagai pencetus polisi Stalinisme, perkembangan polisi Stalinisme dari aspek politik, ekonomi dan sosial serta kesan pelaksanaan polisi Stalinisme yang terbahagi kepada kesan negatif dan positif. Kajian ini berpotensi untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kepada sesiapa sahaja yang ingin mengkaji lebih dalam mengenai perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union.

**Kata Kunci** : Joseph Stalin, Stalinisme, Soviet Union, Perkembangan, Kesan Pelaksanaan.



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>I</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>II</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>V</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>VI-VII</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>VIII-X</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>X</b>
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	2-3
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Metodologi Kajian	4
1.6 Sorotan Literatur	4-12
1.7 Skop Kajian	12
1.8 Pembahagian Bab	12-13
1.9 Kesimpulan	14
<b>BAB 2 : LATAR BELAKANG POLISI STALINISME DI SOVIET UNION</b>	
2.1 Pengenalan	15



2.2	Latar Belakang Joseph Stalin	15-33
2.3	Joseph Stalin Memperkenalkan Polisi Stalinisme di Soviet Union	33-34
2.4	Kesimpulan	34-35
<b>BAB 3 : PERKEMBANGAN POLISI STALINISME DI SOVIET UNION PADA TAHUN 1927 SEHINGGA 1940</b>		
3.1	Pengenalan	36
3.2	Perkembangan Polisi Stalinisme di Soviet Union	37
3.2.1	Aspek Politik	37-39
3.2.2	Aspek Ekonomi	39-45
3.2.3	Aspek Sosial	45-47
3.3	Kesimpulan	47
<b>BAB 4 : KESAN PELAKSANAAN POLISI STALINISME</b>		
4.1	Pengenalan	48
4.2	Kesan Negatif Pelaksanaan Polisi Stalinisme di Soviet Union	48
4.2.1	Peningkatan Kadar Kematian	48-54
4.2.2	Ancaman Terhadap Agama dan Kepercayaan	54-57
4.2.3	<i>Multitasking</i> dalam Kalangan Wanita	57-59
4.3	Kesan Positif Pelaksanaan Polisi Stalinisme di Soviet Union	59
4.3.1	Hak Sama Rata antara Gender	59-61
4.3.2	Pendedahan Kepada Teknologi Moden	61-64
4.3.3	Pengurangan Kadar Buta Huruf	64-70
4.4	Kesimpulan	70
<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>		71-80
<b>BIBLIOGRAFI</b>		81-83

## SENARAI GAMBAR

FOTO	TAJUK	HALAMAN
2.1	Rumah yang didiami oleh Joseph Stalin dan ibu bapanya di Gori.	17
2.2	Ibu Bapa Joseph Stalin, Beso Dan Keke	19
2.3	Stalin sewaktu berumur 15 tahun (1894)	21
2.4	Stalin sebagai Revolusioner pada tahun 1901	26
2.5	Stalin bersama Revolusioner Pro-Bolshevik pada tahun 1915	30
2.6	Stalin bersama pemimpin Parti Bolshevik, Vladimir Lenin (1919)	32
3.1	Magnitogorsk	42
3.2	Pekerja contoh Soviet Union, Alexei Stakhanov.	43
4.1	Cubaan golongan petani Ukraine yang kelaparan memasuki Rusia untuk mendapatkan makanan	51
4.2	Mangsa Holodomor, Kharkiv, Ukraine, (Gambar Oleh Alexander Wienerberger)	52
4.3	Ramon Mercader Del Río (1914-1978), Ejen NKVD dan pembunuh Trotsky.	53
4.4	Senjata <i>Ice-Pick</i> yang digunakan oleh ejen NKVD, Ramón Mercader semasa membunuh Trotsky	54

4.5	Poster propaganda Stalin yang menunjukkan bahawa agama itu merupakan racun untuk diri seseorang	55
4.6	Muzium anti-agama yang memaparkan pelbagai ikon agama, patung & lukisan	56
4.7	Perobohan Katedral Christ The Savior telah difilemkan oleh Kerajaan Soviet untuk tujuan propaganda	57
4.8	Kaum wanita yang berkerja di ladang kolektif di sekitar tahun 1930-an.	59
4.9	Golongan wanita yang terlibat dalam industri berat.	61
4.10	Jentera Traktor yang digunakan dalam Pertanian Kolektif	63
4.11	Rakyat Soviet bergambar bersama-sama dengan Jentera Traktor yang digunakan dalam Pertanian Kolektif	64
4.12	Kaum wanita menghadiri kelas literasi di kesatuan soviet pada awal 1920-an semasa Revolusi Rusia	65
4.13	Kelas celik huruf Soviet Union pada tahun 1930	65
4.14	<i>Suasana Sekolah Gred Lima Sehingga Tujuh (Nachalnaya Shkola)</i>	68
4.15	Sekolah peringkat tinggi ( <i>Vyssheye Uchebnoye Zavedeniye</i> )	69

## SENARAI SINGKATAN

GOSPLAN	Gosudarstvennyy Planovyy Komitet
MTS	Mashinno-Traktornaya Stantsiya
NEP	New Economic Policy
NKVD	Narodny Komissariat Vnutrennikh Del
USSR	The United Socialist Soviet Republic



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Setiap pemimpin sesebuah negara mempunyai ideologinya yang tersendiri. Istilah ideologi berasal daripada gabungan dua perkataan Yunani, iaitu *eidos* (pengertian ataupun idea) dan *logos* (kata ataupun ilmu). Menurut Gunawan Setiardja (1993), ideologi didefinisikan sebagai pengetahuan tentang idea-idea ataupun *science of ideas*.<sup>1</sup> Secara umumnya, ideologi bermaksud fahaman. Ia juga dapat diertikan sebagai ajaran yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan sesebuah kerajaan. Bukan itu sahaja, ideologi juga dikatakan sebagai sebuah ilmu tentang masa depan bagi menggerakkan rakyat untuk merealisasikan matlamat kerajaan sekaligus cita-cita peribadi pemimpinnya.

Salah satu ideologi yang masih hangat dibahas dalam kalangan pengkaji sejarah, iaitu ideologi sosialisme sememangnya pernah menggemparkan dunia kerana ia turut terselit dan memainkan peranan penting dalam peristiwa-peristiwa terpenting sejarah dunia seperti perang dunia. Jika dikaitkan dengan situasi di Soviet Union, ideologi sosialisme sememangnya tidak asing lagi bagi masyarakat kerajaan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana latar belakang penubuhan Soviet Union berkait rapat dengan ideologi sosialisme. Antara ideologi lain yang berkembang hasil daripada pengaruh sosialisme termasuklah Marxisme, Leninisme dan ideologi yang menjadi fokus kajian ini, iaitu Stalinisme.

---

<sup>1</sup> Gunawan Setiardja, *Hak-Hak Asasi Manusia Berdasarkan Ideologi Pancasila*, Yogyakarta: Kanisius, 1993, hlm. 17.

Apabila membahas tentang sejarah Soviet Union dan Stalinisme, nama Joseph Stalin akan segera terlintas di fikiran orang ramai. Seperti yang telah diketahui umum, diktator tersebut dikatakan telah memimpin pengikut-pengikut ideologi Marxisme secara efisien sehingga berjaya membangunkan Soviet Union sebagai salah satu kuasa dunia yang hebat pada zaman kegemilangannya. Stalin dengan polisinya yang tersendiri, iaitu Stalinisme telah banyak mengubah cara hidup masyarakat Soviet Union dari pelbagai aspek. Ideologi dan polisinya juga mendapat kritikan dan menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan sejarawan. Oleh itu, pengkaji akan berusaha untuk memberi pendedahan kepada para pembaca tentang polisi Stalinisme menerusi kajian yang bertajuk Perkembangan Polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Secara amnya, kajian ini akan memberi pendedahan kepada pembaca tentang perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union, khususnya pada tahun 1927 sehingga 1940. Seperti yang telah dinyatakan dalam tajuk kajian, kajian ini akan memberi fokus kepada ideologi Stalinisme yang telah diperkenalkan oleh pemerintah Soviet Union pada era itu, iaitu Joseph Stalin. Polisi Stalinisme dianggap zalim oleh orang ramai, khususnya dalam kalangan masyarakat Soviet Union yang terkesan secara langsung semasa pelaksanaannya. Sikap diktator Stalin yang zalim, namun pada masa yang sama dikatakan telah berjaya mengubah status rakyat Soviet Union dari masyarakat pertanian ke masyarakat industri menerusi Stalinisme telah menarik minat pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Bukan itu sahaja, isu sama ada polisi tersebut hanya memberi impak negatif ataupun sebaliknya juga menarik perhatian pengkaji untuk mengumpul lebih banyak data tentang kajian ini.

Berdasarkan pernyataan di atas, terdapat tiga persoalan yang dapat dibentuk. Pertama, apakah latar belakang polisi Stalinisme di Soviet Union. Persoalan ini akan cuba mencari jawapan tentang latar belakang Joseph Stalin dan bagaimana Joseph Stalin menjadi pencetus polisi Stalinisme di Soviet Union. Selain itu, persoalan kedua, iaitu bagaimanakah perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927



sehingga 1940. Persoalan tersebut akan memberi fokus kepada perkembangan polisi Stalinisme yang dapat dilihat dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Persoalan ketiga pula ialah apakah kesan pelaksanaan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940. Bagi persoalan yang terakhir ini, pengkaji akan cuba merungkai kesan pelaksanaan polisi Stalinisme yang hadir dalam bentuk kesan positif mahupun kesan negatif.

### **1.3 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji tentang perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940. Berdasarkan tujuan kajian ini, terdapat tiga objektif yang menjadi intipati kajian ini. Antaranya termasuklah objektif kajian yang pertama, iaitu menjelaskan latar belakang polisi Stalinisme di Soviet Union. Seterusnya, objektif kajian yang kedua adalah mengkaji perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940. Objektif kajian yang ketiga pula ialah menghuraikan kesan pelaksanaan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai perkembangan polisi Stalinisme, khasnya pada tahun 1927 sehingga 1940 dilihat masih kurang dilakukan oleh sejarawan tempatan. Hal ini sekaligus telah menyebabkan berlakunya kekurangan sumber rujukan mengenai kajian tersebut dalam bahasa tempatan. Bukan itu sahaja, kajian ini juga amat penting untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang sejarah perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union yang menimbulkan pelbagai reaksi dan perdebatan dalam kalangan sejarawan. Oleh itu, kajian ini sememangnya dilakukan untuk mendedahkan info-info berkaitan dengan polisi Stalinisme yang belum diketahui ramai, khasnya dalam kalangan penyelidik tempatan.

## 1.5 Metodologi Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan tentang metodologi kajian yang akan digunakan bagi menyiapkan kajian ini. Pendekatan utama yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif. Sumber primer bagi kajian ini adalah amat terbatas kerana agak sukar bagi pengkaji untuk mendapat akses kepada sejarah Soviet Union secara langsung, khasnya yang berkenaan dengan sejarah perkembangan polisi Stalinisme. Oleh itu, pengkaji akan memberi fokus kepada pengumpulan data berdasarkan sumber sekunder, iaitu sumber kepustakaan.

Walaupun menghadapi kekangan dari segi sumber primer, sumber sekunder ternyata mengandungi banyak informasi yang mampu menjawab segala objektif kajian ini. Antara sumber kepustakaan yang akan digunakan termasuklah buku-buku dan artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pengkaji akan lebih bergantung kepada sumber sekunder seperti yang dinyatakan untuk menganalisis data berkenaan dengan kajian secara terperinci.

## 1.6 Sorotan Kajian

Bahagian ini akan memberi fokus kepada sorotan kajian lepas yang berkait rapat dengan tajuk dan objektif kajian yang ingin diselidiki oleh pengkaji. Sebanyak sepuluh bahan bacaan yang akan dianalisis dan disorot oleh pengkaji. Pertama, buku yang ditulis oleh Moustapha Abbas, iaitu 'Soviet di Hujung Jari' (2020) merupakan sebuah karya yang menceritakan tentang sejarah Soviet Union secara ringkas dan padat. Buku ini mampu menjawab objektif kajian yang pertama kerana ia menerangkan latar belakang Joseph Stalin dan kepimpinannya sepanjang menjadi pemerintah di Soviet Union.<sup>2</sup> Selain itu, buku ini juga turut menjawab objektif kajian yang kedua dengan adanya informasi-informasi tentang bagaimana polisi Stalinisme diterapkan dalam sektor pertanian, kewujudan NKVD<sup>3</sup> (Polis Rahsia), kultus yang memuja Stalin melebihi Tuhan<sup>4</sup> dan

---

<sup>2</sup> Moustapha Abbas, *Soviet di Hujung Jari*, Patriots Publishing, 2020, hlm. 20-31.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 28-29.

<sup>4</sup> *Ibid.*



perkembangan Gulag<sup>5</sup> (kem buruh paksa). Bukan itu sahaja, buku ini juga memberi fokus kepada kesan negatif pelaksanaan polisi Stalinisme, iaitu keburukan Sistem Tanam Paksa<sup>6</sup>, kesengsaraan para banduan di *Gulag*<sup>7</sup> dan kezaliman Stalin menerusi *The Great Purge*.<sup>8</sup> Oleh itu, dapat dilihat bahawa buku hasil karya Moustapha Abbas merangkumi hampir keseluruhan intipati yang berkaitan dengan objektif kajian.

Selain itu, Robert Service dengan hasil karyanya yang bertajuk '*Stalin: A Biography*' (2010) juga merupakan salah satu rujukan yang amat penting kepada pengkaji kerana ia merangkumi data-data tentang kehidupan Joseph Stalin. Hal ini sekaligus dapat memudahkan pengkaji untuk mendapatkan sumber berkaitan dengan ketiga-tiga objektif kajian seperti polisi Stalinisme yang diperkenalkan oleh diktator itu sendiri menerusi buku yang ditulis oleh Robert Service. Buku ini menceritakan secara terperinci tentang latar belakang Joseph Stalin sebelum dan semasa diktator itu menjadi pemimpin Soviet Union. Menerusi pendedahan tentang identiti Stalin, pengkaji akan dapat mengenalpasti apa yang membentuk pemikiran Stalin sehingga berjaya menjadi pemerintah Soviet Union. Bukan itu sahaja, buku ini juga menerangkan tentang kepimpinan Joseph Stalin sepanjang tempoh kediktatorannya yang menginginkan rakyat Soviet Union taat kepada segala perintahnya demi mencapai matlamat Stalin untuk memajukan negara tersebut. Perkembangan polisi Stalinisme juga dihurai secara terperinci dalam buku tersebut. Antaranya termasuklah perkembangan dari segi ekonomi, khasnya dalam sektor pertanian. Stalin telah menyusun strategi seperti *First Five-Year Plan*<sup>9</sup> untuk membangunkan ekonomi. Di samping itu, Stalin juga dikatakan bercita-cita untuk menjadikan Soviet Union sebagai sebuah negara industri dan

---

<sup>5</sup> Moustapha Abbas., *op. cit.*, hlm. 62-68.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 26-27.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 62-68.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 27.

<sup>9</sup> Service, R., *Stalin A Biography*. Pan Books, 2010, hlm. 265-275.

mempunyai kekuatan dari segi ketenteraan.<sup>10</sup> Menurut Stalin, "*Old Russia has now been turned into the USSR (Soviet Union) where all the peoples are equal. The country is strong through its own power, army, industry and collective farm agriculture*".<sup>11</sup> Kesan daripada perkembangan polisi Stalinisme juga diterangkan oleh penulis di dalam buku tersebut dimana Stalin, menerusi polisinya telah bertindak zalim dengan memanipulasi fikiran pihak-pihak tertentu agar menuruti segala perintahnya. Dalam buku ini, ada dinyatakan bahawa Stalin akan memerintahkan orang bawahannya untuk menghukum dan mendera sesiapa sahaja yang dianggap sebagai pengkhianat.<sup>12</sup> Penulis juga turut menggelar Stalin, *The Great Terrorist*<sup>13</sup> kerana kekejaman Stalin juga telah menyebabkan banyak kematian menerusi kegiatan asasinasi yang dilakukan oleh pihak NKVD atas arahan diktator tersebut. Oleh itu, dapat dilihat bahawa buku yang ditulis oleh Robert Service ini sememangnya amat berguna kerana padat dengan data-data yang disusun rapi dan sahih.

Seterusnya, Robert Gellately dalam bukunya, '*Lenin, Stalin dan Hitler*' (2007) juga memberikan penjelasan yang mampu menjawab objektif kajian yang kedua dan ketiga. Secara keseluruhannya, buku ini menceritakan tentang para diktator zalim, khasnya Lenin, Stalin dan Hitler yang dipercayai telah mewujudkan malapetaka sosial dan politik di Eropah pada suatu ketika dahulu. Apabila dikaitkan dengan tajuk kajian, penulis sememangnya ada menjelaskan tentang perkembangan polisi Stalinisme dimana pemerintah Soviet Union itu menginginkan revolusi dalam industri berat dan pada masa yang sama bermatlamat untuk memajukan sektor pertanian yang dipandu oleh teknik baru yang lebih canggih.<sup>14</sup> Menerusi Rencana Lima Tahun<sup>15</sup>, ia memperlihatkan

---

<sup>10</sup> Service, R., *op. cit.*, hlm. 299.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 330.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 336.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 346.

<sup>14</sup> Gellately, R., *Lenin, Stalin dan Hitler*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, 2007, hlm. 205.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 206-209.



kebijakan Stalin untuk mengubah semua aspek masyarakat dan ekonomi, khususnya dalam pertanian. Bukan itu sahaja, selain memajukan negara dengan sistem politik yang baru, Stalin juga telah menetapkan matlamat agar Soviet Union juga harus menyusul dan melebihi negara-negara kapitalis maju dari segi teknik dan ekonomi.<sup>16</sup> Sistem *Gulag*<sup>17</sup> juga terkandung dalam polisi Stalinisme kerana ia berkait rapat dengan Rencana Lima Tahun. *Gulag* yang dahulunya hanya berfungsi sebagai penjara telah menjadi penyedia tenaga kerja bagi rancangan yang telah diperkenalkan oleh Stalin pada era pemerintahannya.<sup>18</sup> Dalam buku tersebut, kesan pelaksanaan polisi Stalinisme juga diutarakan oleh penulis. Antaranya termasuklah penindasan terhadap golongan petani<sup>19</sup>, peningkatan jumlah kematian<sup>20</sup>, penghapusan golongan anti-Soviet<sup>21</sup>, ancaman terhadap agama dan gereja<sup>22</sup> serta 'membersihkan' golongan elit Soviet<sup>23</sup>. Oleh itu, buku ini juga penting untuk dijadikan bahan rujukan utama kerana ia mengandungi banyak huraian berkaitan dengan polisi Stalinisme.

Martin McCauley dalam bukunya yang bertajuk *Stalin and Stalinism* (1995) pula memberi pendedahan kepada pengkaji mengenai sejarah awal berkenaan dengan Revolusi Rusia. Perkara yang dikatakan oleh Martin dalam bahagian terawal bukunya ini lebih terarah kepada era sebelum Stalin menduduki jawatan pemimpin Soviet Union. Namun begitu, sekiranya meneliti dengan lebih lanjut, buku ini juga ada menyatakan beberapa perkara. Menurut pandangan pengkaji, perkara ini boleh dikatakan dapat membantu menjawab persoalan yang wujud dalam objektik kajian.

---

<sup>16</sup> Gellately, R., *op. cit.*, hlm. 209.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 224-231.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 225.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 302-305.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 312-313.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 323-328.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm. 328-332.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 353-371.

Buku ini telah menjawab persoalan pengkaji dalam objektif ketiga, iaitu berkenaan dengan kesan daripada pelaksanaan polisi Stalinisme. Martin mengatakan bahawa traktor, iaitu sebuah teknologi moden di Soviet Union merupakan salah satu simbol kepada mekanisasi dan juga modenisasi dalam pertanian.<sup>24</sup> Perkara ini merupakan salah satu daripada kesan positif pelaksanaan polisi Stalinisme.

Seterusnya, buku yang dihasilkan oleh Norman M. Naimark, buku ini bertajuk '*Stalin's Genocides*' (2010). Buku ini telah memberi pendedahan kepada pengkaji dalam aspek kesan daripada pelaksanaan polisi Stalinisme. Seperti yang diketahui ramai, Stalin merupakan seorang diktator yang tidak berperikemanusiaan. Beliau bersama-sama dengan beberapa individu yang telah menggunakan Komunisme sebagai landasan kepada pemerintahan politiknya, telah menyebabkan kematian yang sangat dahsyat. Oleh itu, melalui buku yang dihasilkan oleh Norman M. Naimark, pengkaji dapat menjawab persoalan yang sangat penting dalam objektif yang ketiga kajian ini. Pengkaji dapat mengetahui dan membahaskan kekejaman Stalin sepanjang tempoh pemerintahan beliau di Soviet Union. Dalam buku ini ada dinyatakan mengenai Holodomor<sup>25</sup>, iaitu satu istilah untuk peristiwa kebuluran yang berlaku di Soviet Union.

Alice Schuster dalam artikelnya yang bertajuk '*Women's Role in the Soviet Union: Ideology and Reality*' (1971) pula memberi pendedahan tentang peranan wanita dalam menjayakan matlamat Stalin bagi memajukan Soviet Union. Seperti idea yang telah dicetuskan oleh Lenin, Stalin juga ingin melibatkan kaum wanita dalam memperjuangkan revolusi pekerja.<sup>26</sup> Pada masa yang sama, kaum wanita juga diminta untuk bekerja di kawasan ladang kolektif dan kilang-kilang.<sup>27</sup> Bukan itu sahaja, kaum wanita juga memainkan peranan penting dalam sektor industri berat menerusi *The First Five-Year*

---

<sup>24</sup> Martin McCauley, *Stalin and Stalinisme*, London: Longman, 1995, hlm. 26.

<sup>25</sup> Norman M. Naimark, *Stalin's Genocides*, Princeton and Oxford: Princeton University Press, 2010, hlm. 70.

<sup>26</sup> Schuster, A., *Women's Role in the Soviet Union: Ideology and Reality*, *The Russian Review*, Vol. 30(3), 1971: 262.

<sup>27</sup> *Ibid.*, hlm. 262.



*Plan*.<sup>28</sup> Hal ini sekaligus telah memperlihatkan betapa pentingnya penglibatan wanita dalam menjayakan rancangan-rancangan di bawah polisi Stalinisme. Di samping itu, artikel ini turut memperlihatkan kesan baik pelaksanaan polisi Stalinisme di Soviet Union, iaitu menaikkan taraf wanita dan mewujudkan hak sama-rata di antara kaum lelaki serta kaum wanita. Oleh itu, boleh dikatakan artikel ini juga sangat berguna kepada pengkaji kerana ia telah menjawab objektif kajian yang kedua dan ketiga.

Dalam artikel yang bertajuk '*Education in the Soviet Union*' oleh Victor Peters (1956), penulis banyak menerangkan tentang sistem pendidikan di Soviet Union. Perkembangan sistem pendidikan di negara tersebut juga dilihat berkait rapat dengan polisi Stalinisme. Penulis buku tersebut ada menyatakan bahawa polisi tersebut semakin konsisten. Hal ini terbukti apabila sistem pendidikan turut mengalami revolusi. Terdapat beberapa objektif yang telah ditetapkan oleh pemerintah berdasarkan *Soviet Education Law*.<sup>29</sup> Antaranya termasuklah, "*All the work in the school and the whole organization of school life should promote proletarian class consciousness in the minds of pupils and create knowledge of the solidarity of Labor in its struggle with Capital as well as preparation for useful productive and political activity*".<sup>30</sup> Oleh itu, buku ini banyak memberi penekanan tentang perkembangan polisi Stalinisme di Soviet Union sekaligus menjawab objektif kajian yang kedua.

Michael Reiman dalam bukunya, '*About Russia, Its Revolutions, Its Development and Its Presents*' (2016) pula memberi fokus kepada perkembangan polisi Stalinisme, khususnya dari segi ekonomi. Dalam buku tersebut, Reiman ada menyatakan bahawa menjelang tahun 1927, Stalin telah memutuskan untuk mempercepatkan langkahnya agar industrialisasi dapat ditingkatkan secara signifikan. Kesaksian ini adalah keputusannya untuk melaksanakan sejumlah projek pembinaan industri besar yang,

---

<sup>28</sup> Schuster, A., *op. cit.*, hlm. 263.

<sup>29</sup> Peters, V., *Education in the Soviet Union*, *Trends in World Education*, Vol. 37(9), 1956: 421.

<sup>30</sup> *Ibid.*

pada akhirnya, menjadi asas kepada rancangan lima tahun pertama.<sup>31</sup> Oleh itu, dapat dilihat bahawa pernyataan Reiman ini telah menjawab objektif kajian yang kedua.

Dalam buku yang bertajuk '*The Personality Cult of Stalin in Soviet Posters, 1929–1953*' oleh Anita Pisch (2016) turut memberi fokus kepada perkembangan polisi Stalinisme menerusi seni. Berdasarkan buku penulis, pada pertengahan tahun 1930-an, Soviet Union telah dipenuhi dengan gambar-gambar Joseph Stalin.<sup>32</sup> Kempen menyebarkan poster secara meluas adalah bertujuan untuk menyokong beberapa inisiatif. Antaranya termasuklah mendidik masyarakat tentang dorongan untuk kolektivisasi, mempromosikan rancangan lima tahun, mengumpulkan orang untuk persediaan perang serta mempromosikan kultus keperibadian Lenin dan Stalin.<sup>33</sup> Poster-poster yang dipamerkan turut menampilkan gambar dan kata-kata panduan, nasihat, dorongan serta inspirasi oleh pemimpin Soviet Union itu.<sup>34</sup> Menerusi propaganda tersebut, Stalin ingin memperlihatkan kepada orang ramai bahawa diktator tersebut adalah pemimpin yang 'satu' dan hero kepada para pekerja<sup>35</sup> serta seharusnya ditaati oleh masyarakat Soviet Union. Hal ini sekaligus telah mewujudkan kultus untuk memuja dan mengagung-agungkan keperibadian pemerintah Soviet Union tersebut. Oleh itu, buku ini sememangnya sesuai untuk dijadikan bahan rujukan bagi objektif kajian yang kedua.

Steven A. Barnes dalam artikelnya yang bertajuk '*All for the Front, All for Victory! The Mobilization of Forced Labor in the Soviet Union during World War*' (2000) menceritakan tentang keganasan yang berlaku di *Gulag* sekaligus telah menjawab objektif kajian yang ketiga, iaitu berkaitan dengan kesan pelaksanaan polisi Stalinisme di Soviet Union pada tahun 1927 sehingga 1940. *Gulag* semakin berkembang selaras

---

<sup>31</sup> Reiman, M., *About Russia, Its Revolutions, Its Development and Its Presents*, Peter Lang AG, 2016, hlm. 61.

<sup>32</sup> Pisch, A., *The Personality Cult of Stalin in Soviet Posters, 1929–1953*, ANU Press, 2016, hlm. 92.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 96.

<sup>34</sup> Pisch, A., *op.cit.*, hlm. 96.

<sup>35</sup> *Ibid.*, hlm. 106.



setelah polisi Stalinisme diperkenalkan di Soviet Union. Berdasarkan artikel tersebut, penulis ada memberi penjelasan tentang keadaan di kem buruh paksa yang dikatakan sangat kejam dan menakutkan.<sup>36</sup> Kadar kematian di *Gulag* juga meningkat secara mendadak sehingga mencapai angka berjuta-juta.<sup>37</sup> Keadaan di tempat tersebut juga amat tidak sesuai untuk dijadikan tempat tinggal.<sup>38</sup> Jika bernasib baik, banduan akan dilepaskan dari kem tersebut, namun dalam bilangan yang sedikit. Namun begitu, banduan yang tidak bernasib baik akan diberi hukuman sehingga membawa kepada kematian. Oleh itu, artikel ini banyak memberi fokus kepada kesan negatif pelaksanaan polisi Stalinisme, iaitu keganasan dan penindasan terhadap banduan di *Gulag*.

Di samping itu, dalam artikel yang bertajuk '*Soviet Criminal Justice and the Great Terror*' karya Peter H. Solomon Jr. (1987), penulis banyak menceritakan tentang kesan buruk yang dihadapi oleh masyarakat Soviet Union disebabkan oleh kekejaman pihak NKVD<sup>39</sup> dan peristiwa *The Great Terror*.<sup>40</sup> Tidak dinafikan bahawa dalang di sebalik semua kekejaman tersebut ialah Joseph Stalin itu sendiri. Sepanjang pelaksanaan polisi Stalinisme, masyarakat sememangnya tidak dapat menjalani hidup dengan tenang terutama sekali *The Great Terror*, khasnya pada tahun 1937 sehingga 1938<sup>41</sup> telah meragut banyak nyawa. Antara yang menjadi mangsa *The Great Terror* termasuklah, "*majority of the victims were inexperienced and uneducated officials who were easy to replace...*" dan terdapat juga orang-orang yang berjawatan tinggi.<sup>42</sup> NKVD pula memainkan peranan penting dalam menghukum, mendera bahkan juga membunuh

---

<sup>36</sup> Barnes, S.A., *All for the Front, All for Victory! The Mobilization of Forced Labor in the Soviet Union during World War*, Cambridge University Press, 2000, hlm. 240.

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Solomon, Peter H., *Soviet Criminal Justice and the Great Terror*, *Slavic Review*, Vol. 46(3), 1987: 392.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Solomon, Peter H., *op.cit*, hlm. 405.

<sup>42</sup> *Ibid.*



pihak yang tertuduh bersalah.<sup>43</sup> Sepanjang berlakunya *The Great Terror*, kebanyakan individu yang dianggap bersalah itu dikenakan tuduhan tanpa siasatan terlebih dahulu oleh pihak NKVD.<sup>44</sup> Oleh itu, tidak hairanlah jika masyarakat Soviet Union sentiasa berada dalam keadaan ketakutan semasa Stalin melancarkan *The Great Terror*. Artikel ini sememangnya merupakan salah satu rujukan terpenting untuk menjawab objektif kajian yang ketiga.

Bahan rujukan yang terakhir, iaitu artikel yang bertajuk '*Stalin's Terror and the Long-Term Political Effects of Mass Repression*' karya Yuri M. Zhukov dan Roya Talibova (2018) menjelaskan tentang penderitaan orang ramai di *Gulag*. Penulis menggambarkan kehidupan para banduan di kem buruh paksa tersebut yang dikawal ketat oleh pihak "*special troika*"<sup>45</sup> yang terdiri daripada pegawai NKVD, setiausaha parti dan pendakwa raya. Menurut penulis, para tahanan *Gulag* dipaksa bekerja untuk projek pembinaan besar, perlombongan emas, logam dan arang batu, pembalakan serta projek kejuruteraan yang lain.<sup>46</sup> Jika bernasib baik, tahanan-tahanan *Gulag* akan dibebaskan, namun akan dipulaukan oleh masyarakat kerana dianggap sebagai '*traitors of the Motherland*'<sup>47</sup> Oleh itu, dapat dilihat betapa buruknya layanan yang diterima oleh para tahanan *Gulag* oleh masyarakat Soviet Union. Hal ini disebabkan oleh pelaksanaan polisi Stalinisme yang bersifat zalim dan kejam agar masyarakat Soviet Union tunduk dan taat kepada setiap kemahuan diktator itu.

---

<sup>43</sup> Solomon, Peter H., *op.cit*, hlm. 392.

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 412.

<sup>45</sup> Zhukov, Yuri M., and Roya Talibova, "Stalin's terror and the long-term political effects of mass repression." *Journal of Peace Research* 55, no. 2: 267-283, 2018, hlm. 4.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid.*